

# BB Plaza diroboh Feb. 2013

KUALA LUMPUR 26 Jun - Plaza Bukit Bintang (BB Plaza) yang berusia kira-kira 40 tahun dijangka dirobohkan pada Februari tahun depan bagi memberi laluan kepada pembangunan agenda nasional, projek My Rapid Transit (MRT).

Malah pemilik kompleks itu, UDA Holdings Bhd. (UDA Holdings) telah diminta berpindah dan mengosongkan bangunan tersebut oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) pada akhir tahun ini.

Naib Presiden Kanan, Pengurusan Hartanah, UDA Holdings, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman berkata, keputusan itu dibuat pada mesyuarat UDA Holdings bersama MRT Corp. minggu lalu.

“Keputusan terakhir yang kami peroleh hasil mesyuarat bersama MRT Corp. adalah berpindah dan mengosongkan bangunan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini.

“Setakat ini arahan yang dikeluarkan MRT Corp. adalah secara lisan,” katanya sambil menambah pihaknya belum menerima sebarang notis atau surat pekeliling mengenai pengosongan bangunan itu secara rasmi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sesi taklimat mengenai projek MRT dengan 200 penyewa BB Plaza di sini hari ini.

Hadir sama pada sesi taklimat itu ialah Pengarah Urusan Kumpulan

UDA Holdings, Ahmad Abu Bakar.

Minggu lalu, lebih 50 penyewa BB Plaza mengadakan piket dan demonstrasi di hadapan kompleks beli-belah tersebut dan menyerahkan memorandum bantahan kepada UDA.

BB Plaza yang mempunyai keluasan 400,000 kaki persegi itu kini mempunyai 150 penyewa dengan 60 peratus daripadanya adalah peniaga Melayu.

Kompleks beli-belah itu kini bernilai RM374 juta dan ia telah menyumbang sebanyak RM25 juta kepada perolehan tahunan UDA Mall, anak syarikat UDA Holdings.

Pada awal tahun ini, dua bangunan milik UDA Holdings di ibu kota, Plaza Warisan dan UO Superstore terpaksa diserahkan kepada MRT Corp. untuk dirobohkan bagi membangunkan projek laluan dan stesen MRT.

UDA Holdings telah menerima pampasan di bawah nilai hartanah semasa iaitu sebanyak RM80 juta bagi kedua-dua bangunan berkenaan dan terpaksa melepaskan hampir 99 peratus penyewa Melayu daripada 81 penyewa keseluruhannya.

Sementara itu, Ahmad berkata, kerja-kerja pembinaan MRT di hadapan BB Plaza akan bermula pada 1 Julai ini dan Jalan Bulan yang menjadi pintu akses utama ke BB Plaza akan ditutup bagi tujuan itu.

Setakat ini, sebanyak tiga premis di bahagian bawah telah diberi notis penutupan bagi tujuan pembinaan agenda nasional tersebut.